

11 MAY 2000

Mahathir-Umno (doa)

DOA MAHATHIR UNTUK UMNO

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak semua anggota Umno berdoa agar Allah merestui perjuangan Umno sempena ulang tahun ke-54 kelahiran parti itu hari ini.

Beliau meminta sidang perwakilan mengangkat tangan sebelum beliau membacakan doa bagi mengakhiri ucapannya pada perasmian Perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Ya Allah Ya Tuhan kami, lindungilah kami daripada hasutan syaitan dan iblis, daripada nafsu tamak kami;

"Lindungilah kami daripada serangan musuh-musuh kami dari dalam dan dari luar;

"Berikanlah kepada kami kekuatan iman, ketabahan hati supaya dapat kami meneruskan perjuangan kami untuk kaum bangsa kami yang juga daripada umat Islam Mu, perjuangan untuk memajukan bangsa, agama dan negara kami sebagai sebahagian daripada usaha memulih kecemerlangan tamadun Islam;

"Ya Allah, berilah hidayat Mu kepada kami supaya sentiasa waras dalam membuat pertimbangan dan pilihan. Lindungilah hati kami daripada terpengaruh dengan apa-apa hasutan atau pujukan. Lindungilah bangsa dan negara kami daripada niat dan tindakan buruk oleh musuh Mu dan musuh kami;

Ya Allah Ya Tuhan kami, berikanlah kejayaan kepada kami kerana segala-gala yang kami usahakan ini ialah kerana Mu, Ya Allah;

Ya Allah Ya Tuhan kami, restuilah perjuangan kami dan berilah kemenangan kepada kami di dunia dan di akhirat;

Rabbana atina fidduniya hasannah
Wafilakhirati hasannah
Waqina azabannar
Wasallallahu'ala saidina Muhammad
Wa'ala alihi wassahbihi wassallam
Subha narabika izati amma yasifun
Wassallamun 'alalmursalin
Walhamdullillahi rabbil 'alamin."

-- BERNAMA

azz mai